



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2018**

Rujukan : Bil ( 14 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

Januari 2018

Setiausaha Bandaraya /  
Pengarah Kanan /  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**MENERIMA PAKAI PINDAAN KEPADA 1 PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) MENGENAI 1PP PK1: PUNCA KUASA, PRINSIP DAN PEROLEHAN KERAJAAN DAN 1PP PK2: KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, diminta semua jabatan yang terlibat dengan perolehan secara sebut harga dan tender perlu membuat pindaan kepada Bill of Quantity (BQ) dan Arahan kepada Penender / Penyebut Harga bagi melaksanakan peraturan baru yang telah ditetapkan. Sila rujuk **Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)** seperti di **Lampiran A** yang dikepikan. Rumusan dari pindaan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut : -

- I. Setiap perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan hendaklah **mengambil kira kenaikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**. Oleh itu, pindaan ini boleh dibaca bersekali dengan perenggan kedua memo dari Bahagian Ukur Bahan yang bertajuk **Penetapan GST Termasuk Di Dalam Peruntukan [Bil.(7)dlm.MBI.F3/4/3/1/15]**.
- II. Setiap perolehan hendaklah menggunakan **anggaran jabatan termasuk kenaikan GST untuk menentukan kaedah perolehan** sama ada secara sebut harga atau tender.
- III. **Semua tawaran (pembelian terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat/firma hendaklah dikemukakan termasuk kenaikan GST**. Sekiranya syarikat/firma yang berjaya adalah **berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)**, Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri akan **menawarkan nilai perolehan termasuk kenaikan GST**. Oleh itu, perenggan ketiga memo dari Bahagian Ukur Bahan yang bertajuk **Penetapan GST Termasuk Di Dalam Peruntukan [Bil.(7)dlm.MBI.F3/4/3/1/15]**, adalah terbatal. Selain itu, para satu dan dua di perenggan tiga **Arahan Kewangan Bil.10/2015 [Bil (57) dlm.MBI.B1/12/1/12]** adalah dipinda seperti berikut :-

## ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2018

- a. Penender hendaklah menawarkan harga sebutharga/tender dengan menyenaraikan harga dalam Senarai Kuantiti (Bill of Quantities – BQ) dengan mengambil kira GST selepas ini dirujuk sebagai BQ berserta GST.
  - b. Meskipun demikian penender masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam BQ berserta GST tersebut bagi bayaran kos yang berkaitan dengan pematuhan kepada mana-mana peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan, undang-undang kecil atau mana-mana perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau syarikat perkhidmatan awam berkaitan dengan pelaksanaan kerja.
- IV. Penilaian harga bagi lantikan terus, pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri berdasarkan harga tawaran termasuk GST.
- V. Agensi perlu membuat pengiklanan tender tempatan dalam (2) suratkhbar utama iaitu Berita Harian dan Utusan Malaysia.


3. Sehubungan dengan itu, diminta semua jabatan yang terlibat meminda klausa-klausa berkaitan GST yang bertentangan dengan pekeliling baru pada Arahan kepada Penender / Penyebut Harga. Selain itu, pihak jabatan juga perlu menambah ruangan GST pada BQ untuk pihak syarikat/firma memasukkan amaun GST sekiranya perlu.

4. Oleh yang demikian, setiap Arahan kewangan ini berkuatkuasa dengan serta merta selepas ditandatangani oleh Yg. Bhg. Datuk Bandar Ipoh. Oleh itu, Arahan Kewangan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Kewangan Bil. 10/2015 dan sekiranya terdapat percanggahan, maka Arahan Kewangan Bil. 02/2018 adalah digunapakai.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' ZAMRI BIN MAN, DPMP., PMP., AMP., PJB.)**  
Datuk Bandar Ipoh.

**“LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI”**